Satu lagi contoh yang menggunakan kohesi nahuan jenis ini dipetik daripada RPMN 7 adalah seperti berikut:

10 À¼í, Ç ÁðîšÁ ±Š. Àç. ±õ §¾÷Àçø ±ñ, Á½Á÷, û «ÛÁ¾çì, ðÁÏÁ÷ ±ýÚ ð¾¼çø «ÈçÁçð¾çÕó¾ «Ã°í, õ, Áþ, ï Ó¾ç ÌÀ;Ð «ÁðÒ, û «ÉðÐõ ±ØðÀçÁ §, ï Ãçì, ì þ½í, ç 12 À¼í, Ç ±ñ, ð **ÀçýÉ**÷ «ÛÁ¾çðÐ Àçð¼Ð.

Transkripsi:

[*10 pa:ṭaṅkaḷai maṭṭume: es.pi.em te:rvil eṭukka ma:ṇavarkaḷ aṇumatikkappaṭuvar eṇru toṭakkattil aṇrivittirunta araca:ṅkam, maika: mutal potu amaippukaḷ aṇaittum eḷuppiya ko:rikkaikku iṇaṅki 12 pa:ṭaṅkaḷai eṭukkap **pinnar** aṇumatittu viṭṭatu.]*

Terjemahan:

Kerajaan yang pada awalnya telah mengumumkan bahawa pelajar-pelajar hanya dibenarkan untuk mengambil 10 mata pelajaran dalam peperiksaan SPM, **kemudian** telah mengubah pendiriannya dengan membenarkan mereka mengambil 12 mata pelajaran setelah didesak oleh MIC dan badan-badan bukan kerajaan.

4.5 DESKRIPSI ANALISIS KOHESI NAHUAN PENGGANTIAN

Kohesi nahuan penggantian merupakan jenis kohesi yang ketiga banyak digunakan dalam rencana pengarang dengan jumlah sebanyak 18 (2.2%) dalam akhbar Malaysia Nanban, 3 (0.8%) dalam akhbar Tamil Nesan dan 9 (1.3%) dalam akhbar Makkal Osai. Penggunaan kohesi nahuan penggantian adalah agak terhad dalam rencana pengarang. Melalui data yang dianalisis, rencana pengarang dari ketiga-tiga akhbar hanya mencatatkan kehadiran kohesi nahuan penggantian nominal dan verbal sahaja. Manakala kohesi nahuan penggantian klausal tidak terdapat langsung dalam teks kajian.

4.5.1 KOHESI NAHUAN PENGGANTIAN NOMINAL

Kohesi nahuan penggantian nominal ialah penggantian yang dilakukan terhadap kata nama atau frasa nama. Contoh penggunaan kohesi nahuan penggantian jenis ini boleh dilihat dalam sampel RPMO 19 seperti berikut:

ÁŠÄ°çÄ;Äçø ¾ü§Ä;Ð ²Èð¾Ä;Æ 15,000 Ä;Ä÷ ÄûÇç,û
þÄîÄ¾Ä; Ä¾çðÄç¼ðÄÎ,çÈÐ. «ÄüÈçø 5000iîõ §ÄüÄð¼
Ä;Ä÷ ÄûÇç,û, ¾ÉçÄ;÷ ¾ÄðÄ;ø ç¼ð¾ðÄÎ,çýÈÈ.

Transkripsi:

[*male:cia:vil tarpo:tu eratta:la 15,000 pa:lar paḷḷikal
iyaṅkuvata:ka matippitappaṭukiratu. avarril 5000kkum
me:rpaṭṭa pa:lar paḷḷikal, taniya:r tarappa:l
naṭattappaṭukinraṇa.*]

Terjemahan:

Kini, dianggarkan lebih kurang 15,000 tadika sedang beroperasi di Malaysia. **Daripada jumlah ini**, lebih daripada 5000 tadika dikelolakan oleh pihak swasta.

Satu lagi contoh dalam kohesi nahuan penggantian jenis ini dapat dilihat dari sampel RPMN 1.

«Ä°Äð §¾·Ä ,iÄ½Äi, |iÎ°i·Ä µÄí, Ççø ,çÜð¾ç ·Äi, ðÄÎ, çýÈ
 Äi, Éí, û Ä£Ð §Ä;Ä£°i÷, ¾£ÄçÄÄ;É Äi÷·Ä °Öð¾ç, «üÄ;Ü
 ,çÜð¾ç ·Äi, ðÄÎ, çÈ Äi, Éí, Ççý °i·Ä§ÄiÄ -i, çÄÄçðÒ
 ,£Èi, ;Äø þÖðÄ¾ - Ü¾ç °öÄ §ÄñÎö.

Transkripsi:

*avacarat te:vai ka:raṇama:ka neṭuñca:lai o:raṅkaḷil niṟutti
 vaikappatukiṇra va:kaṇaṅkaḷ mi:tu po:lica:r, ti:virama:ṇa
 pa:rvai celutti , avva:ru niṟutti vaikkappatukira va:kaṇaṅkaḷin
 ca:laiyo:ra a:kkiramippu ni:ṭikka:mal iruppatai uruti ceiya
 veṇṭum.]*

Terjemahan:

Kenderaan yang diberhentikan di tepi lebuhraya atas keperluan kecemasan perlu diawasi secara serius oleh pihak polis supayaperbuatan sebegitu (meletakkan kenderaan bagi masa yang terlalu lama) tidak berpanjangan.

Contoh dari sampel RPMN 14 juga menerangkan kohesi nahuan penggantian jenis ini.

þÖi·, û §Ä¾¾¾ Äðð¾çø ,iø ,î, ,çüîö ÝÆÖö
 ,ið¾çÖðÄ¾üîÄçÄ Ói, çÄ ,iÄ½ð, û!Ä;ÖÄÄçý
 -Ä½i, ·Çi §°¾çðÐî °ÄçÄ;÷ðÐ ÓÊ× ,iñÄ¾üî «ÄÍ
 °ÆçÄ÷ Üîîö «¾ç, ;Äç Üîîö «¾ç, §;Äö
 §¾·ÄðÄÄ¾¾¾ -îö ±Éð |¾Äç, çÈÐ.

Transkripsi:

*[irukkaikaḷ po:ta:ta paṭcattil ka:l kaṭukka niṟkum
 cu:lalum cilarukku erpaṭṭu viṭukiratu. ivva:ru makkaḷ
 ku:ṭutala:ka ka:ttiruppatarkuria mukkia ka:raṇam,
 ovvoruvariṇ a:vaṇaṅkaḷaic co:tittuc caripa:rṭtu
 muṭivu kaṇpatarku aracu u:liyarkaḷukkum
 atika:rikaḷukkum atika ne:ram te:vaippatuvate:
 a:kum enat terikiratu.]*

Terjemahan:

Kekurangan tempat duduk merupakan sebab utama ramai orang lenguh berdiri. Keadaan **sedemikian** wujud kerana, pekerja dan pegawai kerajaan memerlukan lebih banyak masa untuk menyemak dokumen setiap individu supaya dapat membuat keputusan.

4.5.3 KOHESI NAHUAN PENGGANTIAN KLAUSA

Kohesi nahuan penggantian klausa ialah penggantian yang melibatkan sebahagian daripada ayat, misalnya klausa. Hasil analisis memperlihatkan kohesi jenis ini tidak diperoleh dalam teks kajian. Oleh itu, pengkaji tidak dapat memberikan contoh bagi kohesi jenis ini.

4.6 DESKRIPSI ANALISIS KOHESI NAHUAN ELIPSIS

Kohesi nahuan elipsis dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu kohesi nahuan elipsis nominal, verbal dan klausa. Namun, dalam rencana pengarang yang merupakan data kajian ini tidak terdapat sebarang penggunaan kohesi jenis ini. Ini mungkin berlaku kerana, pengarang ingin memperjelas secara terperinci kepada para pembaca mengenai isu-isu yang dibicarakan dalam ruang rencana pengarang. Selain itu, mungkin pengarang mahukan penyelesaian-penyelesaian atau idea-idea yang dicadangkannya itu difahami sebaik mungkin oleh para pembaca. Faktor-faktor ini mungkin menyebabkannya sengaja untuk mengelakkan sebarang jenis pengguguran (elipsis) unsur bahasa yang mungkin menyulitkan pemahaman pembaca.

Keadaan sebegini akan mengekalkan penyampaian idea dan fakta yang tepat kepada para pembaca. Oleh itu, bagi mengelakkan kehilangan fakta didapati para editor tidak menggunakan kohesi nahuan elipsis dalam rencana pengarang.

Jadual 4.23: Perbandingan Kekerapan Penggunaan Kohesi Leksikal Antara

Akhbar

KOHESI LEKSIKAL							
AKHBAR DAN BILANGAN RENCANA PENGARANG	REITERASI				KOLOKASI		Jumlah
	Pengulangan Sama Tepat	Sinonim	Pengulangan Superordinat	Pengulangan Kelas Kata Umum	Set Sama	Set Lawan	
MALAYSIA NANBAN (44)	14 37.8%	17 46.0%	6 16.2%	0 0%	0 0%	18 100%	55 100%
	37 67.3%				18 37.7%		
TAMIL NESAN (28)	8 40%	2 10%	10 50%	0 0%	2 15.4%	11 84.6%	33 100%
	20 60.6%				13 39.4%		
MAKKAL OSAI (32)	30 63.8%	4 8.5%	13 27.7%	0 0%	1 6.3%	15 93.7%	63 100%
	47 74.6%				16 25.4%		

Jadual 4.23 membandingkan kekerapan penggunaan kohesi leksikal dalam rencana pengarang antara tiga buah akhbar, iaitu Malaysia Nanban, Tamil Nesan dan Makkal Osai yang diterbitkan pada bulan Januari dan Februari tahun 2010.

Bagi akhbar Malaysia Nanban, kohesi leksikal reiterasi sinonim mempunyai kekerapan penggunaan yang tinggi dan bagi akhbar Tamil Nesan kohesi leksikal reiterasi pengulangan superordinat mencatatkan kekerapan penggunaan yang tinggi. Manakala bagi akhbar Makkal Osai pula, kohesi leksikal reiterasi pengulangan sama tepat digunakan lebih kerap.

Seterusnya untuk kohesi leksikal kolokasi pula, ketiga-tiga akhbar mencatatkan kekerapan penggunaan yang tinggi bagi set yang berlawanan. Kekerapan penggunaan kohesi leksikal kolokasi set sama adalah sangat kurang dalam rencana pengarang

ketiga-tiga akhbar. Manakala penggunaan kohesi leksikal jenis ini tidak terdapat langsung dalam akhbar Malaysia Namban.

Selain itu, rencana pengarang akhbar Makkal Osai mencatatkan kekerapan penggunaan kohesi leksikal yang tinggi, iaitu sebanyak 63 kali. Manakala kekerapan penggunaan kohesi leksikal dalam akhbar Tamil Nesan adalah sebanyak 33 kali, iaitu hampir separuh daripada kekerapan penggunaan kohesi leksikal dalam akhbar Makkal Osai. Bagi akhbar Malaysia Namban kekerapan penggunaan kohesi leksikal adalah sebanyak 55 kali. Bilangan ini juga kurang jika dibandingkan dengan akhbar Makkal Osai. Secara keseluruhan penggunaan kohesi leksikal memang kurang dalam ketiga-tiga akhbar jika dibandingkan dengan penggunaan kohesi nahuan.

4.7 DESKRIPSI ANALISIS KOHESI LEKSIKAL REITERASI

4.7.1 KOHESI LEKSIKAL REITERASI PENGULANGAN SAMA TEPAT

Kohesi jenis ini terdapat dalam rencana pengarang daripada ketiga-tiga jenis akhbar yang dikaji (Jadual 4.23). Dalam rencana pengarang akhbar Malaysia Namban, kohesi jenis ini hadir sebanyak 14 kali (37.8%), dalam akhbar Tamil Nesan sebanyak 8 kali (40%) manakala dalam akhbar Makkal Osai sebanyak 30 kali (63.8%). Berikut merupakan contoh kohesi leksikal reiterasi pengulangan sama tepat yang menunjukkan kata yang diulang sepenuhnya dalam sampel RPMO 1:

mukkiyamo: bertaut dengan leksikal **mukkiam**. Kata-kata yang mengalami proses pengimbuhan juga dikategorikan sebagai kohesi leksikal pengulangan sama tepat kerana masih mengekalkan maksud yang sama.

4.7.2 KOHESI LEKSIKAL REITERASI SINONIM

Berdasarkan jadual 4.23, didapati kohesi leksikal jenis ini hadir sebanyak 17 kali (46.0%) dalam akhbar Malaysia Nanban, sebanyak 2 kali (10%) dalam Tamil Nesan dan 4 kali (8.5%) dalam Makkal Osai. Berikut merupakan contoh penggunaan kohesi jenis ini dalam sampel RPMN 19:

þó³⁴î ; ã½zî Çîø - Ä,õ ÓüÚõ ÀÃÅçÔõ ÅçÃÅçÔõ ´Çç§ÂÈçì
 |,îñÊÖiõ °ý ¼î·Äi,îð°ç çç,úí°ç,Ç ÓüÈî, ÒÈi,½çì, §Åñîõ
 ±ýÀÐ ¾ÅÚ.

Transkripsi:

[*intak ka:raṇaṅkaḷal ulakam murrum paraviyum viraviyum
 oḷiye:rik koṅṭirukkum can tolaikka:ṭci nikaḷcikaḷai murra:ka
 purakaṅikka ve:ṇṭum eṇṇpatu tavaṇu.*]

Terjemahan:

Jika memboikot langsung program-program Sun TV yang **tersebar dan tersiar luas** seluruh dunia atas sebab-sebab ini adalah tidak wajar.

Melalui contoh di atas, leksikal **paraviyum** bertaut secara sinonim dengan leksikal **viraviyum** yang bermaksud tersebar luas. Bagi kohesi jenis sinonim, penggunaannya juga boleh dikaitkan untuk tujuan menegaskan sesuatu fakta dan mengekalkan keseragaman isi kandungan bagi menghasilkan sesuatu teks yang mungkin berkesan untuk menyampaikan mesej.

4.7.3 KOHESI LEKSIKAL REITERASI PENGULANGAN SUPERORDINAT

Merujuk pada jadual 4.23, hasil analisis memperlihatkan kohesi leksikal jenis ini digunakan sebanyak 6 kali (16.3%) dalam akhbar Malaysia Namban, sebanyak 10 kali (50%) dalam akhbar Tamil Nesan dan sebanyak 13 kali (27.7%) dalam akhbar Makkal Osai. Kohesi jenis ini dapat dilihat dalam sampel RPTN 2 seperti berikut:

À;ĐÀ;§Á °£Éç Åç"Ä - Â÷ó¼;ø ÄÄ;Äí,ü, !Ä;ðÊ °;É;ö, §;ì
§Ä;ýË -½×ô !Ä;Öð,Üõ Í·Ä;£÷ Ä;Éí,Ççý Åç"ÄÖõ - ÄÄ;ÜÍõ
±ýÄ"¾ ÄÜðÄ¾ü,çø"Ä.

Transkripsi:

[*potuva:kave: ci:ni vilai uyarnta:l palaka:rañkal, rotti ca:na:i,
ke:k po:nra unavup poruṭkaḷum cuvaini:r pa:nañkaḷin vilaiyum
uyarakku:ṭum enṇatai maruppataṛkillai.*]

Terjemahan:

Secara lazimnya, jika harga gula meningkat maka harga **barang-barang makanan** seperti **kuih-muih, roti canai, kek** dan minuman ringan juga turut meningkat.

Dalam contoh di atas, leksikal **palakaarangkaL**, **roTTi caanaai**, dan **ke:k** disebut sebagai hiponim kepada leksikal **uNavup poruTkaLum** yang disebut sebagai superordinat.

4.7.4 KOHESI LEKSIKAL REITERASI PENGULANGAN KELAS KATA UMUM

Dalam wacana yang dikaji, kohesi leksikal jenis ini tidak digunakan sama sekali. Oleh itu, tidak ada contoh yang dapat dibincangkan untuk kohesi jenis ini.

4.8 DESKRIPSI ANALISIS KOHESI LEKSIKAL KOLOKASI

4.8.1 KOHESI LEKSIKAL KOLOKASI SET SAMA MAKNA

Berdasarkan pada jadual 4.23, kohesi jenis ini sangat kurang digunakan dalam rencana pengarang akhbar. Bagi akhbar Malaysia Nanban kohesi jenis ini tidak digunakan langsung. Manakala dalam akhbar Tamil Nesan kohesi jenis ini digunakan sebanyak 2 kali (15.4%) dan dalam akhbar Makkal Osai digunakan sebanyak 1 kali (6.3%) sahaja. Berikut adalah contoh penggunaan kohesi jenis ini dalam sampel RPMO 6:

<p>புதுவகை, நாமி, நாம நா:தில், வேர்களை, பட்டைகளை, இலைகளை, பாலாங்காலை பொன்னாவரின் சில பகுதிகளில் இரந்து மரத்தைப் பிற்று எதுக்காதுவதை நாம காந்து வருகிறோம்.</p> <p><u>Transkripsi:</u></p> <p>[<i>potuva:ka nam na:til ve:rkaḷ, paṭṭaikaḷ, ilaikaḷ, palaṅkaḷ</i> <i>po:ṇṇavarriṇ cila pakutiḱaḷil iruntu maruntukaḷ pirittu</i> <i>eṭukkappaṭuvatai na:m kaṅṅu varukiṛo:m.</i>]</p> <p><u>Terjemahan:</u></p> <p>Pada kebiasaannya, di negara kita, khasiat daripada akar, kulit kayu, daun dan buah diasingkan untuk dijadikan ubat.</p>
--

Contoh di atas merujuk kepada pasangan-pasangan kata yang mempunyai perkaitan tertentu dalam siri atau kelompok yang berkaitan dengan pokok. Ia terdiri daripada item daripada kumpulan semantik yang sama.

4.8.2 KOHESI LEKSIKAL KOLOKASI SET BERLAWAN

Kohesi leksikal kolokasi jenis ini lebih kerap digunakan berbanding kohesi leksikal kolokasi set sama (Jadual 4.23). Secara keseluruhannya, sebanyak 18 kohesi (100%) dalam Malaysia Naban, 11 kohesi (84.6%) dalam Tamil Nesan dan 15 kohesi (93.8%) digunakan. Ia terdiri daripada item daripada kumpulan semantik yang berlawanan. Berikut adalah contoh bagi siri perkataan dari satu kelompok yang mempunyai perkaitan makna berlawanan dalam sampel RPTN 8:

!AAçAA÷, û ÁüUÁçýÈç °çÈçAA÷, Üõ «¾ç, «ÇÁçø -¼ø
 ÆÖÁÉ, þÖðÀ¾ þô§Ä;Ð Ä;÷i, ÓÊ,çÈÐ.

Transkripsi:

[*periyavarka! maṭtuminri c̣iriyavarka!um atika aḷavil uṭal
 parumaṇa:ka iruppatai ip̣po:tu pa:rkka mudiḳiratu.*]

Penterjemahan:

Selain orang **dewasa**, kini kita dapat juga melihat ramai **kanak-kanak** yang mempunyai berat badan yang berlebihan.

Model Halliday dan Hasan (1976) dapat digunakan untuk menjelaskan kehadiran unsur-unsur kohesi dalam rencana pengarang yang dikaji. Didapati bahawa jenis-jenis kohesi ini hampir sama taburannya dalam rencana pengarang dari ketiga-tiga jenis akhbar.

Hasil analisis pencapaian kohesi dalam kajian ini menunjukkan bahawa rencana pengarang yang kohesif bergantung kepada penggunaan jenis kohesi yang betul dan sesuai. Penggunaan unsur-unsur kohesi yang sesuai, betul dan tepat membantu menyediakan jalinan untuk mempermudah pemahaman pembaca terhadap sesebuah wacana seperti rencana pengarang. Secara keseluruhannya, rencana pengarang dari ketiga-tiga akhbar ini mencapai kekerapan kohesi nahuan yang tinggi berbanding kohesi leksikal.

4.9 KEUTUHAN WACANA RENCANA PENGARANG

Dalam wacana rencana pengarang, urutan teks diperlukan bagi mempertautkan perkataan dengan perkataan, frasa dengan frasa, klausa dengan klausa dan ayat dengan ayat. Dengan ini, ia akan mewujudkan kesinambungan idea yang sempurna. Penggunaan sarana kohesi yang betul dan tepat akan meningkatkan jalinan dan kesinambungan idea ke tahap yang tinggi dalam rencana pengarang. Ini dapat dilihat apabila menganalisis rencana pengarang yang utuh.

Lazimnya, setiap teks mempunyai dua ciri penting iaitu koheren dan kohesi. Koheren merupakan susunan idea secara logik dalam sesuatu teks. Manakala, kohesi merujuk kepada keserasian hubungan antara satu unsur linguistik dengan unsur linguistik yang lain dalam sesuatu wacana untuk menghasilkan wacana yang lengkap. Namun, koheren yang ada pada sesuatu teks itu dimungkinkan oleh adanya kohesi (Saidatul Nornis, 2005). Ini disokong dengan pendapat Renkema (1993), yang menyatakan bahawa kriteria-kriteria ketekstualan tidak mempunyai kepentingan yang sama dan kohesi adalah yang paling perlu diberi penekanan.

Dalam rencana pengarang, koheren boleh ditonjolkan dengan menyusun dan menjalinkan setiap maklumat yang hendak disampaikan dengan penggunaan sarana-sarana kohesi yang betul dan tepat antara ayat-ayat yang gramatis. Dalam pada itu, keutuhan wacana adalah lebih meluas di mana tautan kohesi dalam wacana turut dimungkinkan oleh aspek semantik yang mendasarinya tetapi kohesi-kohesi itu juga berperanan penting untuk membentuk teks. Ia telah dijelaskan oleh Halliday dan Hasan (1976:13) seperti berikut:

“The concept of cohesion accounts for the essential semantic relations whereby any passage of speech or writing is enable to function as a text. We can

systematize this concept by classifying it into a small number of distinct categories... Each of these categories is represented in the text by particular features... which have in common the property of signalling that the interpretation of the passage in question depends on something else. If that 'something else' is verbally explicit, then there is cohesion. There are, of course, other types of semantic relation associated with a text which are not embodied in this concept; but the one that it does embody is in some ways the most important, since it is common to text of every kind and is, in fact, what makes a text a text."

Dalam pada itu, kesemua rencana pengarang yang digunakan sebagai data kajian ini akan dinilai keutuhannya berdasarkan satu instrumen penilaian rujukan kriteria yang telah dihasilkan daripada kriteria-kriteria yang dikemukakan oleh Harimurti Kridalaksana (1978). Kesemua kriteria yang telah dijelaskan oleh beliau telah dirumuskan menjadi satu instrumen penilaian (Lampiran 1) yang digunakan oleh dua orang penilai bebas untuk menilai rencana pengarang yang dikaji. Dua orang penilai bebas yang merupakan guru siswazah terlatih yang mempunyai pengalaman mengajar selama 5 tahun ke atas dan menjadi pemeriksa kertas Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dipilih untuk menilai semula rencana pengarang yang dinilai oleh pengkaji untuk memastikan ketepatan dan kesahan. Mereka telah menilai rencana pengarang secara holistik berdasarkan satu Panduan Penilaian Rujukan Kriteria yang diadaptasikan daripada kriteria-kriteria yang telah ditentukan oleh Harimurti Kridalaksana (1978).

Setiap rencana pengarang dinilai oleh pengkaji bersama dua orang penilai bebas. Walaupun setiap rencana pengarang itu dinilai secara berasingan, tahap keutuhan yang ditentukan bagi setiap rencana pengarang oleh pengkaji dan dua orang penilai bebas itu dibandingkan untuk membuat ketetapan akhir mengenai tahap keutuhannya. Jika dua di antara tiga orang penilai itu menentukan sesuatu rencana pengarang itu baik keutuhannya dan seorang lagi menilainya sebagai sederhana utuh sahaja, maka rencana

pengarang tersebut dikategorikan sebagai rencana pengarang yang baik keutuhannya. Jika penilai pertama menilai sesuatu rencana pengarang sebagai baik keutuhan tetapi penilai kedua sebagai sederhana utuh dan penilai ketiga sebagai lemah, maka rencana pengarang tersebut dikategorikan sebagai sederhana utuh sahaja.

Jadual 4.24 menerangkan tahap keutuhan yang ditetapkan bagi setiap rencana pengarang Malaysia Nanban dan bilangan kohesi nahuan dan kohesi leksikal yang terkandung di dalamnya.

Jadual 4.24 Tahap Keutuhan Rencana Pengarang Akhbar Malaysia Nanban dengan Kekerapan Penggunaan Kohesi dan Kohesi Leksikal

Tahap Keutuhan	Rencana Pengarang	Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan	Kekerapan Penggunaan Kohesi Leksikal
Baik	RPMN 2	15	0
	RPMN 4	11	0
	RPMN 8	16	1
	RPMN 10	16	1
	RPMN 11	22	3
	RPMN 12	17	1
	RPMN 15	15	3
	RPMN 16	17	1
	RPMN 17	19	0
	RPMN 18	21	1
	RPMN 19	13	1
	RPMN 22	17	0
	RPMN 23	15	1

Bersambung...

Tahap Keutuhan	Rencana Pengarang	Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan	Kekerapan Penggunaan Kohesi Leksikal
Baik	RPMN 26	29	3
	RPMN 27	20	4
	RPMN 28	18	0
	RPMN 30	19	2

	RPMN 31	14	1
	RPMN 32	22	1
	RPMN 33	11	0
	RPMN 34	18	0
	RPMN 37	15	3
	RPMN 38	17	0
	RPMN 39	25	1
	RPMN 40	14	1
	RPMN 41	19	1
	RPMN 43	26	1
Sederhana	RPMN 1	20	2
	RPMN 3	15	0
	RPMN 5	19	5
	RPMN 6	26	1
	RPMN 9	18	2
	RPMN 13	14	2
	RPMN 14	20	1
	RPMN 20	23	3
	RPMN 21	23	0
	RPMN 24	20	2
	RPMN 29	16	1
	RPMN 35	24	1
	RPMN 36	16	0
RPMN 44	28	0	
Lemah	RPMN 7	15	0
	RPMN 42	15	1

Tahap keutuhan setiap rencana pengarang dikira hasil daripada penilaian pengkaji dan dua orang penilai bebas secara gred purata. Hasil daripada penilaian itu didapati, 28 rencana pengarang dalam akhbar Malaysia Nanban baik keutuhannya, 14 rencana pengarang sederhana utuh dan 2 lagi rencana pengarang lemah keutuhannya.

Data yang dianalisis menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan kohesi nahuan dan kohesi leksikal adalah lebih kurang sama sahaja bagi rencana pengarang yang baik keutuhannya, sederhana utuh dan lemah keutuhannya. Contohnya, RPMN 25 yang dikategorikan sebagai rencana pengarang yang baik keutuhannya mempunyai kekerapan penggunaan kohesi nahuan sebanyak 26 kali dan kekerapan penggunaan

kohesi leksikal sebanyak 3 kali. Manakala RPMN 20 yang dikategorikan sebagai rencana pengarang yang sederhana utuh pula mempunyai kekerapan penggunaan kohesi nahuan sebanyak 23 kali dan kekerapan penggunaan sebanyak 3 kali.

Bagi RPMN 33 yang dikategorikan sebagai rencana pengarang yang baik keutuhan pula, kekerapan penggunaan kohesi nahuan adalah sebanyak 11 kali sahaja dan kohesi leksikal langsung tidak digunakan. Jika diperhatikan rencana pengarang yang baik mempunyai kekerapan penggunaan kohesi nahuan dan kohesi leksikal yang kurang berbanding rencana pengarang yang sederhana utuh dan lemah keutuhannya (Jadual 4.24). Ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan kohesi yang sesuai dan tepat sahaja akan menjadikan sesebuah wacana itu bersifat kohesif. Ini amat tepat dengan pendapat Halliday dan Hasan (1976), iaitu pemilihan dan penggunaan sarana kohesi perlulah bertepatan dengan idea dan maklumat yang ingin diperkatakan agar tidak berlakunya percanggahan atau kejanggalan kesepaduannya.

Berikut adalah petikan daripada rencana pengarang akhbar Malaysia Naban (RPMN 2), iaitu salah satu sampel yang dikategorikan sebagai baik keutuhannya.

«òÐ¼ý ¾ÁçØõ ¾Áçú þÄì,çÁÓõ ÌÁ;ð¾ð ÒùÇç,Ççø §°÷ðÐì
 Ì,ìûÇòÁ¼¾ ç·Ä´ÖÖÈõ þÖì, þó¾ ñÏ ±ŠÀç±õ §¾÷Áçø
 ¾Áçú, ¾Áçú þÄì,çÁõ ðÀ¼ 12 À;¼í,Ç þó¾çÁ Á;Á÷,û
 ±Ï, ÓÊÓÁ;í, ÓÊÁ;¾;? ±ýÛõ ÌÆòÀõ çÆÈðÐ ÁÓÁÐõ
 þó¾çÁ÷,ÛìÏ ÌÈçòÁ;í, þó¾ ñËø ±ŠÀç±õ §¾÷× ±ØÐõ
 þó¾çÁ Á;½Á÷,ÛìÏ ÌÄü§È;÷,ÛìÏ ÌÀÓí ,Á·Á·Á
 ðÁ;í,çÁçÖì,çÈÐ.

Transkripsi:

[*attuṭaṇ tamiḷum tamiḷ ilakiyamum mottap puḷḷikalil ce:rtuk
 kollappaṭa:ta nilai orupuraṃ irukka, intha a:ṇṭu eṣpiem
 te:rvil tamiḷ, tamiḷ ilakkiyam utpaṭa 12 pa:taṅkaḷai intiya
 ma:ṇavarkaḷ eṭukka muṭiyuma:, muṭiya:ta:? eṇṇum
 kuḷappam ni:ṭittu varuvatum intiyarkaḷukkuk kuṟippa:ka
 intha a:ṇṭil eṣpiem te:rvu eḷtum intiya ma:ṇavarkaḷukkum
 perṛorkaḷukkum peruṅ kavalaiyai uruva:kkiyirukkiratu.*]

Terjemahan:

Di samping bahasa Tamil **dan** Kesusasteraan Tamil tidak dikira dalam jumlah markah, para pelajar India yang mengambil SPM pada tahun **ini** tidak ketahui sama ada boleh mengambil 12 mata pelajaran termasuk bahasa Tamil **dan** Kesusasteraan Tamil **atau** tidak **dan** kekeliruan ini berlanjutan serta merunsingkan para pelajar **dan** ibu bapa yang menduduki peperiksaan SPM tahun **ini**.

Dalam ayat di atas sarana-sarana kohesi telah digunakan. Namun terdapat kohesi yang kurang sesuai dalam menghubungkan klausa dalam ayat tersebut. Oleh yang demikian, kohesi-kohesi perlu digunakan di tempat yang sesuai dan ia harus tepat supaya maklumat yang hendak disampaikan jelas dan tidak mengelirukan pembaca. Kohesi nahuan konjungsi aditif juga telah banyak digunakan dalam menulis ayat tersebut. Contohnya, kohesi nahuan aditif **um** yang berfungsi sebagai **dan** telah mewujudkan ayat yang lebih panjang dan ini boleh menjejaskan isi yang disampaikan oleh penulis. Penggunaan **um** di tempat yang kurang sesuai juga boleh mengakibatkan ketidakjelasan isi dan maksud yang ingin disampaikan oleh penulis berbeza daripada apa yang difikirkannya.

Secara keseluruhannya, penggunaan unsur paralinguistik iaitu tanda soal dalam ayat di atas didapati kurang sesuai. Ayat di atas mempunyai jalinan makna yang agak

baik dan menggunakan laras bahasa yang betul. Walaupun, RPMN 21 mempunyai penggunaan perkataan yang agak sesuai dengan makna yang ingin disampaikan, namun ayat yang panjang menyebabkannya ia dianggap sebagai satu rencana pengarang yang sederhana utuh sahaja.

Berikut adalah satu lagi contoh dari sampel RPMN 42 yang menerangkan teks rencana pengarang yang lemah keutuhannya:

«ó¼î ,ĴÄð¾çø ðóàø Ĵ¼Ĵ÷ÄñÊô Äð¼ËÊçø (pÄÄçø§Ä
 µ÷Ĵ,Ĵô) ÄÆçÄçø §ÄĴçÈÄ÷,ÇĴÄøÄĴô «ÆðÐ §ÄÄ
 ĴĴĴ,ôÄð¼¼ĴĴĴ ĴĴøÄðÄĴÄÐñĴ. «Ð§ÄÄô ĴÄñ,Çô ÄĴ÷ðÐð
 ÄĴ÷ðÐ «ÄĴ Ä½çççø «Ä÷ð¾ðÄĴçÈĴçĴ? 'Ö Ä½çĴĴð
 §¾ÄÄÄĴô «ÊðÄ¼ĴĴ,øÄçð¾Ĵ¾ç, Ĵç÷ÄĴð¾çËý, ÑÜÄ
 ÑçÄÄüÜü ±¾Ö§Ä ÄĴ÷ĴĴÄø ĴÄñ,ÜĴ §ÄÄ
 ÄÆĴ,ðÄĴçÈ¾Ĵ? «øÄÐ, «ó¾ô Ä¾ÄçĴĴð ¾Ĵ¾çÄĴÉ Ñü
 þÖóÐð Ñ,Ç µÄĴ,ðÊ ÄçðĴô ĴÄñ,ÜĴ «ó¾ ÄĴöðÖ
 ÄÆĴ,ðÄĴçÈ¾Ĵ?

Transkripsi:

[*antak ka:latil centu:l toṭarvaṇṭip paṭṭarayil (irayilve:
 o:rkfo:p) valiyil po:kiravarkalaiyellam aḷaittu ve:lai
 koṭukkappaṭṭataka:c collappaṭuvatuṇṭu. atupo:lap penkaḷaip
 pa:rtup pa:rtu aracu paṇikalil amarṭappaṭukirarkaḷa:?* **oru**
*paṇikkut te:vaippaṭum aṭippaṭaik kalvittakuti, nirva:kattiran,
 a:ḷumai a:kiyavarruḷ etaiyume: pa:rkka:mal penkaḷukku anha
 va:ipu valzangkappadukiRatha:?* **allathu, aṅthap** *patavikku
 takutiya:na a:ṅkaḷ iruntum a:ṅkaḷai o:raṅkaṭṭi viṭṭup
 penkaḷukku anta va:ippu valaṅkappaṭukirata:?*]

Terjemahan:

Pada masa dahulu, dikatakan bahawa orang-orang yang lalu-
 lalang telah dipanggil untuk diberi pekerjaan di bengkel
 keretapi Sentul. Adakah cara **seperti itu** sengaja digunakan
 dengan memilih para wanita untuk menjawat jawatan
 kerajaan? Adakah peluang **itu** diberi kepada wanita tanpa

melihat pada kelayakan akademik yang asas, kemahiran pentadbiran dan kemahiran kepimpinan bagi tugas tersebut? **Ataupun** wanita sengaja diberi peluang **itu** dan kaum lelaki diketepikan **walaupun** mereka memiliki kelayakan untuk menjawat jawatan tersebut.

Teks di atas yang dipetik dari sampel RPMN 42 memperlihatkan penggunaan kohesi nahuan rujukan komparatif *atupo:lap*, kohesi nahuan rujukan demonstratif *anta* dan kohesi nahuan konjungsi aditif *allatu*. Walaupun begitu, teks tersebut hanya dikategorikan sebagai satu teks yang lemah sahaja kerana penggunaan perkataan kurang sesuai dan tidak mengikut nahu bahasa Tamil. Contohnya, ayat *atupo:lap penkaaip pa:rtup pa:rtu aracu panikalil amarttappaṭukirarkaḷa:?* tidak mengikut rumus tatabahasa yang betul. Selain itu, susunan ayat itu juga boleh mengelirukan pembaca. Secara keseluruhannya, kandungan teks RPMN 42 boleh difahami oleh para pembaca tetapi ia mungkin mengambil masa yang lama.

Jadual 4.25 Tahap Keutuhan Rencana Pengarang Akhbar Tamil Nesan dengan Kekekapan Penggunaan Kohesi Nahuan dan Kohesi Leksikal

Tahap	Rencana	Kekekapan	Kekekapan
-------	---------	-----------	-----------

Keutuhan	Pengarang	Penggunaan Kohesi Nahuan	Penggunaan Kohesi Leksikal
Baik	RPTN 3	10	1
	RPTN 4	13	0
	RPTN 6	5	2
	RPTN 7	23	1
	RPTN 8	11	3
	RPTN 9	5	0
	RPTN 10	13	0
	RPTN 11	11	1
	RPTN 12	10	0
	RPTN 13	16	1
	RPTN 15	9	3
	RPTN 16	10	0
	RPTN 17	16	0
	RPTN 18	11	0
	RPTN 20	15	2
	RPTN 21	11	0
	RPTN 23	11	4
	RPTN 24	26	1
	RPTN 25	22	0
	RPTN 26	39	3
RPTN 27	20	2	
RPTN 28	16	1	
Sederhana	RPTN 1	14	1
	RPTN 2	11	1
	RPTN 5	10	0
	RPTN 14	11	1
	RPTN 19	12	3
	RPTN 22	21	2

Jadual 4.25 menunjukkan tahap keutuhan setiap rencana pengarang akhbar Tamil Nesan dan kekerapan penggunaan kohesi nahuan serta kohesi leksikal yang terkandung di dalamnya. Tahap keutuhan setiap rencana pengarang ini ditentukan secara purata setelah mengambil kira penilaian yang dibuat oleh ketiga-tiga penilai, iaitu

pengkaji dan dua orang penilai bebas. Hasil daripada penilaian itu didapati, 22 rencana pengarang dalam akhbar Tamil Nesan baik keutuhannya dan 6 rencana pengarang dinilai sebagai sederhana utuh. Dalam data kajian dari akhbar ini tidak terdapat rencana pengarang yang lemah keutuhannya.

Penganalisan data menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan kohesi nahuan dan kohesi leksikal adalah lebih kurang sama sahaja bagi rencana pengarang yang baik dan sederhana utuh dalam akhbar Tamil Nesan. Jika diteliti rencana pengarang yang baik keutuhannya mempunyai kekerapan penggunaan kohesi nahuan dan kohesi leksikal yang kurang berbanding rencana pengarang yang dinilai sebagai sederhana utuh. Sebagai contoh RPTN 3 mempunyai kekerapan penggunaan kohesi nahuan sebanyak 10 kali dan kekerapan penggunaan kohesi leksikal sebanyak 1 kali sahaja. Kekerapan penggunaan ini adalah sangat kurang jika dibandingkan dengan RPTN 22 yang dikategorikan sebagai rencana pengarang yang sederhana utuh di mana ia mempunyai kekerapan penggunaan kohesi nahuan sebanyak 21 kali dan kekerapan penggunaan kohesi leksikal sebanyak 2 kali. Ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan sarana kohesi pada tempat-tempat yang tidak diperlukan ataupun digunakan secara berlebihan akan menjadikan sesebuah wacana itu tidak bersifat kohesif.

Berikut adalah contoh rencana pengarang akhbar Tamil Nesan (RPTN 3) yang dinilai sebagai baik keutuhannya.

§¾°çĀ ÁüŪō °ÉÉ ¡¾;¼ı,ô ÀûÇç,Ç´ôÀçĪ,Âçø ÄÄ
¾Äçúô ÀûÇç,ú ÓØ -¾Äç ĩÀüÈ ÀûÇç,Çı, þø¨Ā. þŌó¾
§Ā;¾çÖõ ¾ÄçúôÀûÇç,Ççý,øĀç çç¨Ā ¡¾;¼ı÷óĐ §ÁóĀıĪ
«¨¼óĐ ÁŌ,çÈĐ ±ýĀ¨¾ -ñĪĪ -ñĪ ¾ÄçúôÀûÇç,Ççø
«¾ç,ĀçðĐĀŌõ ä.Āç.±Š.÷. §¾÷ı°ç Āç,ç¾õ °çÈó¾
°ıýÈıİõ. þĐ ¾ÄçĀ Āç¨ÇĀıđĪô §ĀıđÈ -đĀ¼ Àø§ĀŪ
ÖÈôĀı¼ ç¼ĀĒı¨ĀçÖõ ¾ÄçúôÀûÇç Áı½Ā÷,ú °çÈóĐ
ĀçÇĪ,çýÈÉ÷.

Transkripsi:

[te:cia **marrum** ci:na toṭakkap paḷḷikaḷai oppiṭukayil pala
tamiḷp paḷḷikaḷ muḷu utavi perṛa paḷḷikaḷa:ka illai. **Irunta**
po:tilum tamiḷppaḷḷikaḷin kalvi nilai toṭarntu me:mpa:tu
aṭaintu varukīratu eṇbatai a:ṇṭukku a:ṇṭu tamiḷppaḷḷikaḷil
atīkarītuvarum yu.pi.es.a:r. te:rcci vīkitam cīranta
ca:nra:kum. Itu tavira viḷaiya:tṭup po:tṭi uṭpaṭa palve:ru
purappa:ṭa naṭavaṭikkaiyilum tamiḷppaḷḷi ma:ṇavarkaḷ
cīrantu viḷaṅkukinṇanar.]

Terjemahan:

Jika dibandingkan dengan Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, kebanyakan sekolah Tamil tidak menerima bantuan kerajaan sepenuhnya. **Walau bagaimanapun**, taraf pendidikan sekolah Tamil terus meningkat dan ia dibuktikan dengan pencapaian keputusan UPSR yang terus meningkat pada setiap tahun. Selain itu, para pelajar sekolah Tamil juga didapati menunjukkan prestasi cemerlang dalam aktiviti kokurikulum termasuk permainan.

Ayat-ayat di atas mempunyai kohesi nahuan konjungsi aditif seperti **marrum** dan kohesi nahuan konjungsi adversatif seperti **irunta po:tilum** dalam menyampaikan maklumat. Ia juga mempunyai jalinan makna yang baik di antara satu ayat dengan ayat lain dan memperlihatkan pengaliran idea yang bersistematik, berfokus dan bersepadu. Selain itu, teks ini menggunakan laras bahasa yang betul dengan tanda baca yang tepat. Oleh itu, rencana pengarang ini boleh dianggap sebagai satu rencana pengarang yang sangat utuh dan baik.

Berikut adalah satu lagi contoh sampel kajian (RPTN 18) yang dikategorikan sebagai rencana pengarang yang baik keutuhannya.

μδŠ °ϕì,îô ÷¼ÁÊî,Áϕý§À;Ð ÷îÎ ÓØÁ¾ϕÖö «·Áì,ôÀðîûÇ
 ,ñ,î½ϕôÖ ·ÁÁí,Çϕø ÷ϕÚð¾ôÁðîûÇ §À;Ä£§,îÄ÷,Çϕ¼ô °î·ÁÁϕø
 ¾îî,û ±¾ϕ÷§îîò ÀϕÁî·É,·ÇÖö ÎÈÀ;Î,·ÇÖö !À;ÐÁì,û
 !¾ÁϕÁϕì,Ä;õ. !À;ÐÁì,Ûî ÎÈϕôÀ; Ä;É μðÎÉ÷,Ûîò §¾·ÁÁ;É
 «·ÉðÐ -¾Áϕ,·ÇÖö -§À;·É,ÇÖö ÁÆîÁ¾üî §À;îÁÁðÐ
 §À;Ä£°; ÒýÁóÐûÇÉ÷.

Transkripsi:

[o:ps cikka:p naṭavaṭikkaiyīṇpo:tu na:ṭu muḷuvatilum
 amaikkappaṭṭuḷla kaṅka:ṇippu maiyaṅkaḷil niruttappaṭṭuḷla
 po:li:ska:rarkaḷiṭam ca:laiyil ta:ṅkaḷ etirno:kkum
 piraccanaikaḷaiyūm kuraipa:ṭukaḷaiyūm potumakkaḷ
 terivikkala:m. potumakkaḷukku kurippa:ka va:kana
 o:ṭṭunarkaḷukkuṭ te:vaiya:ṇa aṇaitu utavikaḷaiyūm
 a:lo:canaikalaiyūm vaḷaṅkuvataṅku po:kkuvarattu po:li:ca:r
 muṇvantuḷḷaṇar.]

Terjemahan:

Orang awam boleh memberitahu segala masalah **dan** ketidakpuashatian mereka di jalan raya kepada pegawai polis yang ditugaskan di pusat pemerhatian di seluruh negara sewaktu aktiviti ops sikap. Para anggota polis trafik yang dipertanggungjawabkan sudi membantu **dan** memberi panduan kepada orang awam khususnya kepada pemandu-pemandu kenderaan.

Ayat di atas menggunakan kohesi nahuan konjungsi aditif sahaja seperti *piraccanaikaḷaiyūm kuraipa:ṭukaḷaiyūm* dan *utavikaḷaiyūm a:lo:canaikalaiyūm* dalam menghubungkan dua maklumat dalam ayat itu. Ia juga mempunyai jalinan makna yang baik dan bersepadu serta bersistematik. Penggunaan perkataan yang sesuai dan laras bahasa yang tepat memudahkan pembaca dalam memahami maklumat yang ingin disampaikan.

sistematik. Oleh itu, rencana pengarang ini hanya dianggap sebagai rencana pengarang yang sederhana utuh sahaja.

Berikut adalah satu lagi contoh dari sampel RPTN 22 yang menerangkan teks rencana pengarang yang sederhana utuh:

Ó·ÈÁ;É -¼üÀÄçü°ç þøÄ;¾¾;ø ÄÄ °çÚÄ÷, ûÜ¼ -¼ø ÀÖÁÉ;,
 -ûÇÉ÷. þÐ¾ÄçÄ ÐÄç¾ -½× Ä,, Ç «Èi,É -ð;üüÄÐ ÁüÜõ
 «¾ç, þÉçð"Ài !,ñ¼ Éý,Ççø «¼i,ðÄð¼ ÌÇç÷Ä;Éi,û ÁüÜõ
 Í·ÄÄ;Éi, Ç «ÖóÐð ÀÈi,Óð -¼ø ÀÖÁÛi þ¾Ä, ;Ä½i,û ±Éð
 þ¾ÄçÄÄÖ,çÈÐ. þ¾;¼i,ð¾çø -¼ø ÀÖÁý °;¾;Ä½Ä; þÖó¾;Öõ
 Àø§ÁÚ §;j,ö,û ;ÄÐ -¼Äçø ²üÄÄ¾üi Òi,çÄ «Èð¾ÇÄ;×ð þÐ
 «·ÁóÐÄçÍ,çÈÐ.

Transkripsi:

[*muraiya:na uṭarpayirci illa:tata:l pala ciruvarkalku:ṭa uṭal parumana:ka uḷḷaṇar. itutavira turita uṇavu vakaikalai aṭikkati uṭkoḷvatu marrum atika inipaik koṇṭa ṭinkalil aṭaikkappaṭṭa kulirpa:ṇaṅkaḷ marrum cuvaiippa:ṇaṅkaḷai aruntum paḷakkamum uṭal parumanukku itara karanāṅkaḷ enat teriyavarukiratu. toṭakkattil uṭal paruman ca:ta:raṇama:ka irunta:lum palve:ru no:ykaḷ namatu uṭalil e:ṛpaṭuvatarṅku mukkiya aṭittalama:kavum itu amaintuviṭukiratu.]*

Penterjemahan:

Kebanyakan kanak-kanak juga didapati gemuk disebabkan tidak ada latihan jasmani yang betul. Selain itu, amalan selalu memakan makanan segera **dan** meminum minuman tin yang disejukkan **dan** minuman berperisa yang terlalu manis juga merupakan faktor yang mengakibatkan kegemukan. **Walaupun** pada mulanya kegemukan dianggap sebagai perkara biasa tetapi **ini** menjadi asas kepada kebanyakan penyakit dalam badan **kita**.

Ayat-ayat ini hanya boleh dianggap sebagai ayat yang sederhana utuh sahaja kerana penggunaan kohesi nahuan aditif seperti *maRRum* dan *um* dalam ayat tersebut menjadikan ayat itu lebih panjang. Walaupun maklumat yang ingin diketengahkan oleh penulis jelas tetapi aspek tatabahasa dalam ayat ini terjejas. Contohnya, ayat *itu tavira*

uritha unavu vakaikaḷai aṭikkaṭi uṭkoḷvatu marrum atika inipaik koṅṭa ṭinkalil aṭaikkappaṭṭa kuḷirpa:ṇaṅkaḷ marrum cuvaipa:ṇaṅkaḷai aruntum paḷakkamum uṭal parumaṇukku itara karaṇaṅkaḷ eṇat teriyavarukiraṭu didapati tidak ditulis mengikut peraturan tatabahasa Tamil yang betul.

Secara keseluruhannya, jelas bahawa kekerapan penggunaan kohesi nahuan dan kohesi leksikal dalam ayat-ayat yang baik keutuhan dan sederhana utuh adalah lebih kurang sama sahaja. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penggunaan kohesi mestilah tepat dan sesuai dalam semua keadaan supaya maklumat yang ingin disampaikan jelas.

Jadual 4.26 Tahap Keutuhan Rencana Pengarang Akhbar Makkal Osai dengan Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan dan Kohesi Leksikal

Tahap Keutuhan	Rencana Pengarang	Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan	Kekerapan Penggunaan Kohesi Leksikal
Baik	RPMO 3	26	5
	RPMO 4	23	4
	RPMO 8	26	1
	RPMO 10	26	6
	RPMO 13	15	0
	RPMO 16	18	1
	RPMO 17	26	1
	RPMO 19	24	0
	RPMO 22	21	1
	RPMO 23	21	1
	RPMO 24	21	6
	RPMO 25	16	0
	RPMO 26	15	1
	RPMO 27	14	1
RPMO 28	9	1	

Bersambung...

Tahap Keutuhan	Rencana Pengarang	Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan	Kekerapan Penggunaan Kohesi Leksikal
Baik	RPMO 29	19	2
	RPMO 32	17	5
Sederhana	RPMO 5	30	3
	RPMO 6	35	6
	RPMO 9	29	2
	RPMO 14	20	1
	RPMO 15	14	1
	RPMO 18	21	0
	RPMO 20	33	0
	RPMO 21	15	0
	RPMO 30	11	1
	RPMO 31	20	1
Lemah	RPMO1	30	6
	RPMO 2	25	0
	RPMO 7	21	2
	RPMO 12	12	1

Jadual 4.26 menunjukkan tahap keutuhan rencana pengarang akhbar Makkal Osai dengan kekerapan penggunaan kohesi nahuan dan kohesi leksikal. Tahap keutuhan setiap rencana pengarang ini ditentukan secara purata setelah mengambil kira penilaian yang dibuat oleh ketiga-tiga penilai, iaitu pengkaji dan dua orang penilai bebas. Hasil daripada penilaian itu didapati, 17 rencana pengarang dalam akhbar Makkal Osai adalah baik keutuhan, 11 rencana pengarang adalah sederhana utuh dan 4 lagi rencana pengarang adalah lemah keutuhan.

Data yang dianalisis dari akhbar Makkal Osai menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan kohesi nahuan dan kohesi leksikal adalah lebih kurang sama sahaja bagi rencana pengarang yang sangat utuh, utuh dan sederhana utuh. Jika diperhatikan, ada rencana pengarang yang baik keutuhan mempunyai kekerapan penggunaan kohesi nahuan dan kohesi leksikal yang kurang berbanding rencana pengarang yang sederhana utuh dan lemah keutuhan. Contohnya, bagi RPMO 28 kekerapan penggunaan kohesi

Terjemahan:

Ahli sukan negara **perlu dipupuk** dan dibimbing; **digalakkan**; dan **perlu ditingkatkan** sejak zaman persekolahan. Sokongan **dan** galakan yang diberi kepada pelajar **kita** sejak zaman persekolahan, akan menjadikan mereka sebagai pencipta sejarah dalam bidang sukan pada peringkat antarabangsa.

Ayat-ayat di atas memperlihatkan penggunaan kohesi nahuan dan kohesi leksikal. Kohesi nahuan yang digunakan adalah kohesi nahuan konjungsi aditif seperti *um* dan kohesi nahuan rujukan personal seperti *nam* dan *namatu*. Manakala kohesi leksikal yang digunakan adalah kohesi leksikal reiterasi pengulangan sama tepat, iaitu *uruva:kki valarkkappaṭa ve:ntum; u:kkuvikkappaṭa ve:ntum; uyartappaṭa ve:ntum*. Ayat-ayat ini didapati mempunyai jalinan makna yang baik dan pengaliran idea yang bersistematik serta bersepadu. Dalam rencana pengarang ini maklumat dan isi yang dikemukakan bersifat logik. Selain itu, pertalian unsur-unsur leksikal yang baik dan sarana kohesi yang betul menjadikan ayat-ayat ini baik keutuhannya.

Satu lagi contoh dari sampel kajian, iaitu dari RPMO 32 adalah seperti berikut:

¾ü\$À;Ð Á¼üü Ä;çÄ ;,Äí,Üüüö ¾üüü Ä;çÄ
;Äí,Üüüö Öüüü;Ä; §ÄÖóÐ ¨ÄÄö §°Äü ¾óÐ
ÄÖ,çÈÐ. «ó¾ ¨ÄÄð¾çý °£Ä¨ÄöÖö Ä½ç, Üüü, «Ð
ã¼öÄü¾¾¾, Ä¼ Ä;çÄ Äð¼½ü, Üüüü üø\$Ä;Öüüü f;Ä;ý
Ðð¾; §ÄÖóÐ ¨ÄÄ\$Ä §°Ä, ¨Çð ¾Ä ÖÊÖö ±ýÄ¾¾
\$Ä;üüÄÄðÐ Ççø ÄÆü ðÐüü Ä;Ë;Ë «¾ç, Äçðö ²üüüÄÄ
¾Äç±ü, ÖÊÄ¾¾¾,ç Äçüü.

Transkripsi:

[*tarpo:tu vaṭakku ma:ṇila nakaraṅkaḷukkum terku ma:ṇila nagaraṅkaḷukkum puṭura:ya: pe:runtu maiyam ce:vaikaḷ tantu varukiratu. anta maiyattin ci:ramaippup paṅkaḷukka:ka atu mu:ṭappaṭuvata:l, vaṭa ma:ṇila paṭṭaṅkaḷukkuc celvo:rukku ja:la:n tu:tta: pe:runtu maiyame: ce:vaikaḷait tara muṭiyum eṅbata:l po:kkuvarattukaḷil valakkattukku ma:ra:na atikarippu e:ṭpaṭuvatu tavirkka muṭiya:tata:ki viṭum.]*

Terjemahan:

Kini Perhentian Bas Puduraya sedang memberi perkhidmatan kepada negeri-negeri di **utara dan di selatan**. Disebabkan perhentian **itu** akan ditutup bagi kerja-kerja pembaik-pulih, sebagai menggantikannya perhentian bas Jalan Duta sahaja boleh memberi perkhidmatan kepada penumpang yang hendak pergi ke bandar-bandar di utara dan ini akan meningkatkan bilangan kenderaan secara luar biasa dan keadaan ini tidak akan dapat dielakkan.

Ayat-ayat di atas menggunakan kohesi nahuan konjungsi aditif seperti *um*, kohesi nahuan konjungsi temporal seperti *tarpo:tu*, kohesi nahuan rujukan demonstratif seperti *anta* dan *atu* serta kohesi leksikal kolokasi dari set yang berlawanan, iaitu *vaṭakku terku*. Ayat-ayat ini boleh dikatakan kohesif kerana sarana-sarana kohesi yang digunakan untuk menghubungkan ayat-ayat tersebut adalah tepat dan sesuai. Maklumat yang ingin disampaikan oleh penulis juga jelas kelihatan dengan penggunaan kohesi-kohesi ini. Secara keseluruhannya, jalinan makna yang baik di antara satu ayat dengan ayat lain dapat dilihat dalam keseluruhan teks rencana pengarang ini. Ia juga memperlihatkan pengaliran idea yang bersistematik, berfokus dan bersepadu. Rencana pengarang ini mempunyai pemilihan dan penggunaan perkataan yang sesuai dengan makna yang ingin disampaikan. Dengan ini, rencana pengarang ini dianggap sebagai satu rencana pengarang yang baik keutuhannya.

Seterusnya satu contoh dari sampel RPMO 9 yang digredkan sebagai rencana pengarang yang sederhana keutuhannya adalah seperti berikut:

Áç,î °;¾;Á½Á;çì |,jñËÖiõ ¾,Áø |¾;ÆçøÑðÃõ,
 Á÷ð¾,ò Ð·È ç÷Á;ò ÁÊòÒ §À;ýÈ §À;¾·È, Ùì ÁðÎ§Á
 «¾ç, Öì,çÁðÐÃõ ,;ð¼;Áø |¾;ÆçøÑðÃ Ì;Èç þÁø Á¼
 §À;¾·È, Ç þýÛõ ÙÏ¾Á; «ÈçÖõ °öÁ¾üìð ¾ÉçÁ÷
 Àø,·Äi,Æ,í Ûõ Àø,·Äi,Æ,ì ,øæÁç, Ûõ Áçä,í,û ÁìðÐì
 °ÁøÁ¼ §Áñîõ. §Áý·ÁÁ;É ,øÁç §À;¾·È, Ûõ -üÈø
 °Èçó¾ Á¼ §À;¾·È, Ûõ Á¼½Áô ÀÖÁð¾çø °ð¼ðÁÎÁÐ,
 Ì;ÐÁ;É §¾° «·Á¾çìîõ Á;Ð,;ðÒiõ «ó¾ -üÈø,û
 ÁÆç,;ðÎÁÐ¼ý «Èç·ÁÖõ °çó¾·ÉÖõ -ÆðÁìðÐÁÐ
 ¾çñ½õ.

Transkripsi:

[mikac ca:ta:raṇama:kik koṅṭirukkum takaval
 toḷilnuṭpam, vartakat tuṛai nirva:kap paṭippu po:nṛa
 po:tanaikaḷukku maṭṭume: atika mukkiyattuvam
 ka:ṭṭa:mal toḷilnuṭpa porī iyal paata po:tanaikaḷukku
 iṅṅum ku:ṭutala:ka arimukam ceivataṛkut taniya:r
 palkalaikkalaṅkaḷum palkalaikkalakak kallu:rikaḷum
 viyu:kaṅkaḷ vakuttuc ceyalpaṭa ve:ṇṭum. Me:nmaiya:na
 kalvi po:tanaikaḷum a:rṛal ceṛinta pa:ṭa po:tanaikaḷum
 ma:navap paruvattil u:ṭṭappaṭuvatu. potuva:na te:ca
 amaitikkum pa:tuka:ppukkum anta a:rṛalkaḷ
 vaḷika:ṭṭuvatuṭan arivaiyum cintanaiyum
 a:lappaṭuttuvatu tiṅṅam.]

Penterjemahan:

Universiti swasta **dan** kolej universiti perlu mengorak langkah untuk memberi penekanan kepada pengajaran kejuruteraan teknologi berbanding lebih banyak keutamaan yang diberi kepada pengajaran teknologi maklumat, pengurusan pentadbiran perniagaan yang semakin dianggap sebagai bidang kursus yang biasa. Selain itu, penyampaian pendidikan bermutu tinggi **dan** dinamik kepada para pelajar **itu** akan membimbing mereka untuk memelihara keamanan **dan** keselamatan serta akan mendalami lagi pengetahuan **dan** fikiran mereka.

Ayat-ayat di atas, menggunakan kohesi nahuan konjungsi aditif **um** dan kohesi nahuan rujukan demonstratif **anta**. Penggunaan kohesi nahuan konjungsi aditif telah banyak digunakan dalam menulis ayat tersebut. Contohnya, kohesi nahuan aditif **um** yang berfungsi sebagai **dan** telah menghasilkan ayat yang lebih panjang dan ini menjejaskan isi yang disampaikan oleh penulis. Penggunaan **um** yang berlebihan juga mengakibatkan ketidakjelasan isi dan maksud yang ingin disampaikan oleh penulis. Ayat di atas mempunyai jalinan makna yang agak baik dan menggunakan laras bahasa yang betul. Walaupun rencana pengarang ini mempunyai penggunaan perkataan yang agak sesuai dengan makna yang ingin disampaikan, namun ayat yang panjang menyebabkannya ia dianggap sebagai satu rencana pengarang yang sederhana utuh sahaja.

Berikut adalah satu lagi contoh dari sampel RPMO 2 yang menerangkan teks rencana pengarang yang lemah keutuhan:

paralinguistik seperti tanda seru, koma, dan tanda pembuka dan penutup kata dalam sampel di atas adalah kurang tepat.

4.10 KORELASI ANTARA TAHAP KEUTUHAN WACANA DENGAN PENGGUNAAN KOHESI NAHUAN DAN KOHESI LEKSIKAL

Bahagian seterusnya akan membincangkan tentang korelasi antara tahap keutuhan wacana dengan penggunaan sarana kohesi. Analisis ini akan memperlihatkan perbezaan dan penggunaan kohesi nahuan dan kohesi leksikal serta tahap keutuhan wacana antara tiga akhbar.

Jadual 4.27 Min Tahap Keutuhan Wacana dan Min Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan dan Kohesi Leksikal dalam Tiga Akhbar

		N	Min	Sisishan Piawai
Tahap keutuhan Wacana	Malaysia Nanban	44	2.59	.583
	Tamil Nesan	28	2.79	.418
	Makkal Osai	32	2.41	.712
	Jumlah	104	2.59	.601
Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan	Malaysia Nanban	44	18.66	4.420
	Tamil Nesan	28	14.36	7.014
	Makkal Osai	32	21.16	6.451
	Jumlah	104	18.27	6.356
Kekerapan Penggunaan Kohesi Leksikal	Malaysia Nanban	44	1.25	1.222
	Tamil Nesan	28	1.18	1.188
	Makkal Osai	32	1.97	2.040
	Jumlah	104	1.45	1.538

Jadual di atas menunjukkan skor min tahap keutuhan wacana dan min kekerapan penggunaan kohesi nahuan dan kohesi leksikal dalam tiga akhbar, iaitu Malaysia Nanban, Tamil Nesan dan Makkal Osai. Min tahap keutuhan wacana

menunjukkan bahawa akhbar Malaysia Nanban mempunyai min sebanyak 2.59, akhbar Tamil Nesan mempunyai min sebanyak 2.79 dan akhbar Makkal Osai mempunyai min sebanyak 2.41. Dengan ini, akhbar Tamil Nesan mempunyai min tahap keutuhan wacana yang tinggi, iaitu sebanyak 2.79 dengan bilangan rencana pengarang sebanyak 28 sahaja. Ini dapat dilihat dalam jadual 4.25 di mana 22 rencana pengarang dikategorikan sebagai rencana pengarang yang baik keutuhan dan 6 rencana pengarang dikategorikan sebagai rencana pengarang yang sederhana keutuhan.

Bagi kekerapan penggunaan kohesi nahuan dan kohesi leksikal, akhbar Makkal Osai mencatatkan min yang tinggi. Kekerapan penggunaan kohesi nahuan mencatatkan min sebanyak 21.16 dan ini adalah jauh lebih tinggi berbanding akhbar Malaysia Nanban yang mencatatkan min sebanyak 18.66 dan akhbar Tamil Nesan yang mencatatkan min sebanyak 14.36. Akhbar makkal Osai mencatatkan min kekerapan penggunaan kohesi nahuan yang tinggi kerana rencana-rencana pengarangnya mempunyai penggunaan kohesi nahuan aditif *um* yang banyak.

Kekerapan penggunaan kohesi leksikal bagi akhbar Makkal Osai juga mencatatkan min yang tinggi, iaitu sebanyak 1.97. Namun, catatan min kekerapan penggunaan kohesi leksikal akhbar Makkal Osai tidak menunjukkan perbezaan yang tinggi apabila dibandingkan dengan akhbar Malaysia Nanban yang mencatatkan min sebanyak 1.25 dan akhbar Tamil Nesan yang mencatatkan min sebanyak 1.18. Kekerapan penggunaan kohesi leksikal dalam semua akhbar adalah lebih kurang sama sahaja (Rujuk jadual 4.23).

Jadual 4.28 Perbandingan antara Min Tahap Keutuhan Wacana dengan Min Kohesi Nahuan dan Kohesi Leksikal dalam Tiga Jenis Akhbar Melalui *One – Way* ANOVA

ANOVA						
		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Tahap Keutuhan Wacana	Antara Kumpulan	2.152	2	1.076	3.099	.049
	Sesama Kumpulan	35.069	101	.347		
	Jumlah	37.221	103			
Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan	Antara Kumpulan	701.928	2	350.964	10.249	.000
	Sesama Kumpulan	3458.534	101	34.243		
	Jumlah	4160.462	103			
Kekerapan Penggunaan Kohesi Leksikal	Antara Kumpulan	12.434	2	6.217	2.714	.071
	Sesama Kumpulan	231.326	101	2.290		
	Jumlah	243.760	103			

Dapatan daripada analisis dalam jadual di atas menunjukkan bahawa, terdapat perbezaan dalam kekerapan penggunaan kohesi nahuan dan kohesi leksikal dalam akhbar Malaysia Namban, akhbar Tamil Nesan dan akhbar Makkal Osai. Statistik deskriptif menunjukkan bahawa akhbar Makkal Osai mempunyai penggunaan kohesi nahuan yang lebih tinggi berbanding akhbar Malaysia Namban dan Tamil Nesan. Bagi menguji sama ada perbezaan ini signifikan atau tidak, analisis ANOVA telah dilakukan dan dapatannya ditunjukkan dalam jadual 4.28. Jika nilai $p \leq 0.05$ bermaksud perbezaan itu adalah signifikan. Dalam pada itu, jika diteliti perbezaan min adalah signifikan, iaitu 21.16 (jadual 4.27) dan akhbar Makkal Osai mencatatkan penggunaan kohesi nahuan yang lebih tinggi dengan nilai $p \leq 0.00$. Ini bermakna ia adalah sangat signifikan.

Bagi kekerapan penggunaan kohesi leksikal pula, analisis deskriptif menunjukkan bahawa perbezaan dalam penggunaan kohesi leksikal dalam tiga akhbar

adalah tidak signifikan di mana nilai $p \leq 0.071$. Ini kerana penggunaan kohesi leksikal dalam semua akhbar adalah lebih kurang sama sahaja. Analisis ini juga menunjukkan bahawa tahap keutuhan wacana juga tidak begitu signifikan. Ini kerana ia mencatatkan nilai $p \leq 0.049$ di mana ia hampir dengan nilai $p \leq 0.05$. Walaupun rencana pengarang dari akhbar Tamil Nesan mempunyai min tahap keutuhan wacana yang tinggi, namun ia tidak menunjukkan kesignifikan dalam analisis ini.

Jadual 4.29 Korelasi Pearson antara Tahap Keutuhan Wacana dengan Kohesi Nahuan dan Kohesi Leksikal dalam Tiga Jenis Akhbar

Korelasi				
		Tahap Keutuhan Wacana	Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan	Kekerapan Penggunaan Kohesi Leksikal
Tahap Keutuhan Wacana	Pearson Correlation	1	-.166	-.037
	Sig. (2-tailed)		.092	.706
	N	104	104	104
Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan	Pearson Correlation	-.166	1	.345**
	Sig. (2-tailed)	.092		.000
	N	104	104	104
Kekerapan Penggunaan Kohesi Leksikal	Pearson Correlation	-.037	.345**	1
	Sig. (2-tailed)	.706	.000	
	N	104	104	104
**. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).				

Jadual di atas menunjukkan bahawa korelasi antara tahap keutuhan wacana dengan kohesi nahuan dan kohesi leksikal dalam tiga jenis akhbar. Korelasi antara tahap keutuhan wacana dengan penggunaan kohesi nahuan dan kohesi leksikal adalah tidak signifikan. Nilai kekerapan penggunaan kohesi nahuan adalah 0.092 dan nilai kekerapan penggunaan kohesi leksikal adalah 0.076. Ini telahpun melebihi $p \leq 0.05$. Ini bererti

tidak semestinya rencana pengarang yang baik keutuhan itu mempunyai kekerapan penggunaan kohesi nahuan dan kohesi leksikal yang tinggi. Rencana pengarang yang lemah keutuhan juga mungkin mempunyai kekerapan penggunaan kohesi nahuan dan kohesi leksikal yang tinggi. Penggunaan sarana kohesi yang berlebihan dan yang tidak sesuai juga mungkin menyebabkan sesuatu wacana itu menjadi kurang utuh.

4.11 KESIMPULAN

Dalam rencana pengarang yang dikaji, didapati terdapat aspek semantik, leksikal dan gramatikal seperti yang diusulkan oleh Harimurti Kridalaksana (1978). Namun, terdapat rencana pengarang yang menggunakan sarana kohesi yang tidak sesuai dalam menghubungkan dua ayat. Oleh yang demikian, sarana-sarana kohesi ini perlu digunakan di tempat yang sesuai dan ia harus tepat supaya maklumat yang hendak disampaikan jelas dan tidak mengelirukan pembaca.

Selain itu, kohesi nahuan konjungsi aditif juga telah banyak digunakan dalam menulis rencana pengarang. Contohnya, kohesi nahuan aditif **um** yang berfungsi sebagai **dan** telah mewujudkan ayat yang lebih panjang dan ini boleh menjejaskan isi yang disampaikan oleh penulis. Ini juga boleh menyebabkan isi yang ingin disampaikan oleh penulis tidak jelas serta boleh mengelirukan pembaca. Penggunaan **um** di tempat yang kurang sesuai juga boleh mengakibatkan ketidakjelasan isi dan maksud yang ingin disampaikan oleh penulis. Apa yang difahami oleh pembaca mungkin berbeza daripada apa yang difikirkan oleh pengarang.

Seterusnya, terdapat juga pengulangan isi yang sama dalam rencana pengarang yang dihasilkan. Pengulangan isi yang sama boleh menyebabkan kebosanan kepada pembaca dan ini akan menyebabkan kehilangan ciri-ciri rencana pengarang yang baik dan kohesif.

Penggunaan sarana kohesi yang sesuai adalah sangat penting dalam menghubungkan ayat. Sekiranya ia tidak dilakukan dengan tepat, maka masalah dalam memahami isi boleh terjadi. Oleh itu, penulis juga harus bijak dalam memilih sarana kohesi yang sesuai dalam menulis rencana pengarang supaya wacana tersebut mempunyai urutan yang betul dan tepat.

Dalam data kajian ini juga terdapat rencana pengarang yang tidak mempunyai urutan idea yang baik dalam penyampaian maklumat. Idea yang dinyatakan pada peringkat awal perlu diperjelas dengan mengemukakan hujah-hujah dan penerangan yang berkaitan supaya maklumat itu tepat dan boleh difahami oleh para pembaca. Hujah-hujah yang tidak sesuai dan yang tidak berkaitan akan mengelirukan pembaca serta penulis akan gagal mencapai objektifnya untuk mengetengahkan sesuatu isu secara berkesan.